

Ucapan : ADHO
558
177/80
557-176/80

Ucapan Y.B. Encik Hussein Onn,
Menteri Pelajaran, di Majlis
Penyampaian Suratcara Kerajaan
Tunku Abdul Rahman Kolej, di
Dewan Bahasa dan Pustaka pada
15hb September, 1972 Jam 10.00
pagi

tail
H1579.

1. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkuasa Kolej Tuanku Abdul Rahman kerana menjemput saya ke upacara pagi ini, dan memberisaya peluang menyerahkan Suratcara Kerajaan untuk Kolej ini. Selain daripada para tetamu dan kakitangan kolej ini, bersama-sama kita pada pagi ini, ialah Y.A.B. Tun Tan Siew Sin yang juga menjadi Presiden Kolej tersebut, ~~juga~~ Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja, Ahli-Ahli Majlis Sementara, Ahli-Ahli ^{baru} Lembaga Pentadbiran ~~yang baru Kolej ini~~ dan ~~juga~~ wakil-wakil penuntut.

2. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan, untuk memberi pelajaran kepada anak-anak kita semua, tidak mengira keturunan bangsa mereka. Sementara anak-anak segulungan kaum, oleh sebab-sebab yang tertentu berkehendakkan pertolongan dan bantuan khas, adalah tidak boleh diterima dari kacamata orang-orang yang bertanggungjawab dan berfikiran waras, menafikan atau pun menghadkan pelajaran, untuk anak-anak kaum lain. Pelajaran, kepada sesiapa pun ianya diberi, sudah tentu akan memberi faedah kepada negara dan bangsa kita.

3. Adalah menyedihkan bahawa Kolej Tunku Abdul Rahman telah dijadikan satu soal politik oleh beberapa golongan. Adalah bertambah sedih lagi bahawa perkara ini telah di 'exploited' untuk menimbulkan perasaan perkauman. Sementara mereka yang bertanggungjawab berusaha kuat untuk mewujudkan mencapai perpaduan, malangnya terdapat di antara kita dan di antara golongan-golongan itu, yang berusaha sama kuatnya, untuk mengusutkan perpaduan dan menimbulkan huruhara dan pecah belah.

4. Terlibatnya Kerajaan di dalam penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman, telah saya terangkan dengan jelasnya di dalam kenyataan saya di Dewan Rakyat pada 22hb Ogos, ~~1972~~ yang lalu. Saya telah juga menyatakan, bahawa dengan adanya Suratcara Kerajaan, Kerajaan adalah mempunyai kawalan yang cukup atas pengawasan dan perjalanan Kolej itu, untuk menentukan ianya mematuhi Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga kepentingan negara.

5. Suratcara Kerajaan Kolej ini, yang akan saya serahkan kepada Y.A.B. Tun Tan Siew Sin, adalah hasil berbulan-bulan perundingan dan kerja-kerja yang sabar, di antara pihak-pihak berkuasa Kolej itu dan Kementerian Pelajaran. Sesungguhnya, saya ingin menambah, bahawa di dalam perundingan itu, tidak pernah dicadangkan oleh pihak-pihak berkuasa Kolej itu, yang Kolej itu sepatutnya keluar daripada garis-garis Dasar Pelajaran Kebangsaan, atau pun keluar daripada Akta Pelajaran 1961. Mendiang Tan Sri Khaw Kai Boh pernah mencadangkan, supaya pihak Kerajaan patut mengambil alih sepenuhnya Kolej itu.

6. Di dalam keadaan sekarang, telah dipersetujui bahawa pihak Kerajaan akan bertanggungjawab bagi separoh daripada harga pembangunan dan separoh daripada belanja pengurusan tahunan, yang separoh lagi daripada harga pembangunan dan belanja pengurusan tahunan, akan di tanggong oleh Pemegang Pemegang Amanah Kolej itu. Sehingga hari ini, Kerajaan telah memberi kepada kolej ini, sebagai pendahuluan, sejumlah \$711,068 berdasarkan kepada perbelanjaan sebenar, bagi tahun-tahun 1968, 1969 dan 1970. Sehingga hari ini, Kolej ini belum lagi mempunyai satu tapak atau pun satu bangunan sendiri. Untuk tujuan-tujuan mengajar, Kementerian Pelajaran telah ~~pun~~ membenarkan Kolej itu menggunakan Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Maktab Perguruan Harian, Jalan Kuantan, Sekolah Menengah Teknik, Cheras, Sekolah Menengah Cheras dan Sekolah Menengah Katholik, Petaling Jaya.

7. Di bawah Suratcara Kerajaan Kolej ini, yang berkuatkuasa dari semalam, ada lima orang wakil Menteri Pelajaran, dan seorang wakil Menteri Kewangan, di dalam Lembaga Pengurus Kolej ini. Wakil-wakil Menteri Pelajaran adalah seperti berikut :-

- (1) Ketua Setiausaha Kementerian atau wakilnya,
- (2) Ketua Pengarah Pelajaran atau wakilnya,
- (3) Pengarah Sekolah-Sekolah atau wakilnya,
- (4) Encik R. Vivekananda, Kementerian Pelajaran.
- (5) Setiausaha Bahagian Kewangan atau wakilnya.

8. Wakil Menteri Kewangan ialah Encik Wong Yoke Meng.

Selainnya, ada ^{orang} tujuh / ~~ahli-ahli~~ yang dilantik oleh Pemegang-Pemegang Amanah Kolej itu.

Mereka adalah :-

(1) Encik Lew Sip Hon,

(2) Professor Lim ~~Keng~~, *Khak Leang*

(3) Professor Chin Fung Kee,

(4) Tan Sri Sheikh Abdullah bin Sheikh Abu Bakar,

(5) Dr. Neo Yee Pan,

(6) Dr. Teh Hock Heng,

(7) Encik Ang Eng Hock.

Ahli-ahli yang lain ialah Pengetua Kolej itu dan juga seorang Ketua Sekolah. Jumlah ahli-ahli lembaga pengurus ^{itu} ialah lima belas.

9. Ada seorang wakil Menteri Pelajaran di-
dalam Jawatankuasa Kewangan Kolej ini. Beliau
ialah Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian
Pelajaran atau ~~pun~~ wakilnya. Menteri Pelajaran
juga mempunyai seorang wakil di dalam Jawatankuasa
Pengajian Kursus. Beliau ialah Pengarah Peperiksaan
atau ~~pun~~ wakilnya.


10. Yang demikian, Kerajaan adalah puas hati
bahawa ianya adalah di wakili dengan secukupnya, dan
mempunyai kawalan yang cukup di atas pengurusan dan
perjalanan kolej ini. Selanjutnya, di bawah Surat-
cara Kerajaan, Kolej ini adalah dikehendaki menyampai-
kan tiap-tiap tahun kepada Menteri Pelajaran, satu
anggaran pendapatan dan perbelanjaan dan juga kira-
kira yang diodit. Juru-Juru Odit itu adalah mereka
yang diluluskan oleh Menteri. Tambahan lagi, Kolej
ini adalah dikehendaki menyampaikan kepada Menteri

laporan kemajuan tahunan di atas perkara-perkara akademik dan apa-apa laporan yang lain seperti yang dikehendaki oleh Menteri.

11. Suratcara Kerajaan ini juga menguntukkan bahawa, ^{*fasal*} tertaklok kepada perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, keahlian Kolej itu, samada sebagai seorang ahli lembaga pengurus atau jawatankuasa, seorang pegawai, guru atau penuntut, hendaklah terbuka kepada semua orang, tidak kira jantina, bangsa, ugama, keturunan atau darjat. Akhirnya, Suratcara ini menguntukkan bahawa, Kolej ini hendaklah ditadbirkan mengikut Akta Pelajaran 1961 dan peratoran-peratoran yang dibuat dan arahan-arahan yang diberikan mengikutnya.

12. Oleh itu, maka nyatalah bahawa sudah ada ^{pun} ~~ada~~ kawalan yang telah dibuat, dan seharusnya tidak ada lagi sebab-sebab yang munasabah atau pun alasan-alasan, untuk meneruskan ^{keributan} ~~ugutan~~ atau pun ^{semua} kecaman terhadap Kolej ini. Marilah kita ^{semua} berpandangan jauh dan berpatutan di dalam sikap kita. Biarlah kita ^{semua} bersifat karim di dalam apa yang kita kata dan ~~kita~~ ^{semua} buat. Terpulanglah kepada kita ^{semua} untuk mem- bangun atau pun menjatohkan negara dan bangsa kita.

YAB Tun Tan Siew Sin, saya dengan penoh sukacita menyampaikan kepada Tun Suratcara Kerajaan Tunku Abdul Rahman Kolej. Moga-moga, Tuhan akan memberi ^{hidayat} ~~panduan~~ kepada mereka yang telah diamanahkan untung nasib Kolej ini.



12.

Qleh itu, maka nyatalah bahawa sudah
ada jenis kawalan yang telah dibuat, dan sebarang

tidak ada lagi sebab-sebab yang mendasar atau pun

alasan-alasan, untuk membolehkan negara atau pun

kecemasan terhadap Koley ini. Marilah kita persembahkan

janji dan perpatutan di dalam sikap kita. Biarlah

kita beraktifit kami di dalam apa yang kita laka

dan kita buat. Terpujanyalah kepada kita untuk men-

berikan atau pun gantijawaban negara dan bangsa kita.

Yang Tun Tan Siew Sin, saya dengan penuh sukacita

menyampaikan kepada Tun Surtocara

Abdul Rahman Koley. Hoga-noga

gantung kepada mereka yang telah

nasib Koley ini.



No. Siri 133
No. Penerimaan 133/80